



Makyung Bandar

Makyung merupakan teater tradisional Melayu yang kini hampir pupus. Sebagai usaha memulihkan dan memelihara persembahan ini, kerajaan Malaysia berjaya mendapatkan persetujuan UNESCO untuk mengisytiharkan makyung sebagai satu daripada warisan dunia.

Pada ketika ini, makyung mengalami kemerosotan dan tidak lagi popular sebagai hiburan di kawasan luar bandar. Hanya ada tiga ada kumpulan makyung yang wujud sekarang – dua di Kelantan dan satu di Terengganu.

Mengikut *Hikayat Puteri* cerita 19, makyung pada masa dahulu merupakan persembahan istana yang dinaungi oleh sultan. Teater ini mencapai mercu kejayaan di Kelantan di bawah naungan Tengku Sri Temenggung yang menubuhkan kompleks persembahan dan latihan

teater tradisional untuk makyung, selain tarian asyik dan wayang kulit.

Kedatangan penjajah British melalui helah perdagangan mengambil alih, secara beransur-ansur, kuasa pemerintahan raja Melayu menyebabkan istana tidak lagi mampu menaungi makyung dan bentuk persembahan tradisional yang lain. Sebagai akibatnya, makyung terpaksa mencari tempat berteduh sebagai permainan rakyat.

Makyung berkembang sebagai permainan rakyat kerana bentuk persembahan ini diserapkan dalam ritual dan upacara yang berkaitan dengan kegiatan pertanian.

Kononnya masyarakat kampung pada ketika itu, yang sarat dengan kepercayaan animisme, percaya bahawa perkataan makyung berasal daripada *makhiang*, iaitu semangat padi. Secara tidak langsung, persembahan makyung bukan sahaja merupakan upacara ritual,

tetapi juga hiburan rakyat yang menceritakan kisah dongeng zaman silam.

Satu lagi aspek makyung yang menjadi integral kepada masyarakat kampung ialah upacara perubahan tradisional yang dikenali sebagai main puteri. Upacara ini menggunakan unsur muzik, tari, jampi serapah, dan cerita makyung untuk mengubati pesakit psikosomatik.

Namun demikian, melalui peredaran masa, makyung telah kehilangan statusnya sebagai bentuk hiburan popular bagi masyarakat luar bandar. Hal ini berlaku kerana saingan daripada bentuk hiburan Barat, seperti televisyen dan wayang gambar. Kedudukan bentuk persembahan tradisional yang lain turut terhakis sebagai akibat kemasukan hiburan Barat ke kawasan luar bandar.

Apabila kedudukan makyung merosot teruk, kerajaan, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada ketika itu, telah mengambil langkah awal untuk menyelamatkan permainan tradisional ini pada sekitar tahun 1960-an dengan mengadakan beberapa program pemuliharaan dan pemeliharaan. Usaha kementerian ini telah menghasilkan pengiktirafan daripada UNESCO yang mengenal pasti makyung sebagai satu daripada warisan dunia pada 25 November 2005.

Pada ketika ini, dalam usaha mencari tempat berteduh kali kedua, persembahan makyung telah berhijrah dari kampung ke bandar dan ke universiti. Universiti Sains Malaysia menjadi perintis dalam pengajaran dan persembahan teater tradisional sebagai disiplin akademik. Pelajaran makyung di universiti menggabungkan aspek persembahan amali dengan teori estetika, sejarah, bentuk, ciri, struktur persembahan dan sejarah.

Pada masa yang sama, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara menubuhkan kumpulan pelapis makyung di kampung dan di bandar. Walaupun persembahan makyung tidak kerap diadakan, usaha ini menunjukkan strategi pemuliharaan dan pemeliharaan yang serius dan gigih untuk menentukan kesinambungan bentuk teater lama ini.

Hasilnya dapat dilihat dengan persembahan makyung Kumpulan Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan di bawah naungan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan dibiayai oleh PETRONAS di bawah program tanggungjawab sosial korporat kebudayaan yang diadakan di MATIC, Kuala Lumpur, pada 29 dan 30 Mei 2015 yang lalu. Walaupun makyung *Puteri Gading Bertimang* dipentaskan secara

prosenium berbanding dengan latar tiga segi, seperti di kampung, hal ini tidak mencacatkan persembahan kerana suasana makyung asli dikekalkan tanpa mengabaikan konvensi teater tradisional.

Beberapa konvensi teater tradisional dikekalkan. Yang pertama, latar hias tidak digunakan untuk menandakan lokasi. Lokasi dan perubahan lokasi digambarkan melalui dialog daripada representasi visual. Perubahan lokasi ditandakan dengan pergerakan para pelakon arah lawan jam dalam bulatan.

Yang kedua, penempatan ahli muzik di atas pentas dengan pemain rebab duduk di pentas kiri bawah sambil menghadap penjuru pentas atas kanan. Ahli muzik lain, iaitu pemain gendang ibu dan anak, serunai, canang, kesi dan tetawak, ditempatkan di ruang sayap kiri. Seperti di kampung, semua ahli muzik ini terdedah kepada pelihatan penonton.

Yang ketiga, gaya lakonan makyung tidak berubah daripada yang asal dengan penyampaian dialog berirama. Dialog asli, yang dibahagikan kepada tiga jenis, dikekalkan. Yang pertama ialah ucapan tetap yang merupakan dialog dan pengisahan (*narration*) berpuitis dengan susunan kata bahasa makyung yang indah yang berfungsi sebagai tanda yang menentukan pengaliran cerita supaya tidak terbawa dengan improvisasi. Antara katanya termasuklah "Sudah jatuh ke mana jatuh, sudah jatuh di pintu kota" atau "di padang luas saujana padang" atau "Dataran pantai anak ru muda-muda".

Ucap tetap digunakan untuk memendekkan cerita, "Sepak barang sebelah, timbul royat di sebelah sana", atau "Hak ni

begini Tuanku: kita pintas tanjung mengambilkan rantau, jalan yang jauh kita perahu, rantau yang panjang kita bersekiak."

Ucap tetap ini digunakan untuk menghidupkan watak, menggambarkan suasana, dan menceritakan perawakan raja, seperti "Weilah tatkala Tuanku keluar terbit pagi hari gelap limun-limun peluh pelah tajur-menajur di atas balai yang besar-besar, siap memakai dengan mahkota emas, mahkota perak, keris kecil kerajaan, tongkat sakti kesaktian. Tuanku nak *sta* senjah anak muda *cada* mana di teluk *wong* permata mana silalah tuanku khabar bilang kepada patik antara kesearang".

Yang kedua ialah improvisasi yang dilakukan, terutama oleh peran yang menyelitkan kejadian terkini dalam dialog dan perkara lucu yang memerlukan reaksi improvisasi yang sama daripada pakyung dan pelakon lain. Unsur dialog ketika ialah dialog makyung yang menggerakkan aksi dramatik.

Konvensi tradisional keempat ialah ensembel muzik yang menggunakan alat muzik asli tanpa penambahan alat moden. Alat yang terpenting ialah rebab dan alat bergeser (kordofon) bertali tiga yang memainkan melodi. Gendang anak dan ibu merupakan alat membranofon yang menyediakan rentak sebagai bertingkah, sementara sepasang tetawak (gong) membahagikan melodi kepada bahagian tertentu, seperti pada penghujung satu, empat atau lapan *measure*. Alat tambahan ialah sebatang serunai yang merupakan alat tiupan (aerofon) yang mengiringi tarian dan aksi majlis dan transformasi, dan sepasang canang, iaitu alat yang mengandungi dua gong kecil berbusut yang diapung ke atas rak kayu yang mengetukkan bit lagu (melodi).

Antara lagu yang dimainkan dalam persembahan makyung *Puteri Gading Bertiman* termasuklah *Menghadap Rebab, Sedayung Pakyung, Barat Anjur, Pakyung Muda, Berkhabar, Menganbun, Sedayung Makyung, Gading Bertimang, Wak Bara, Saudara dan Barat Cepat*.

Unsur persembahan yang menyimpang daripada konvensi persembahan asli ialah yang pertama, para pelakon tidak masuk keluar watak di atas ruang persembahan, seperti dalam persembahan makyung asli, tetapi terus keluar pentas, seperti persembahan bangsawan atau drama moden. Hanya kelihatan pelakon sebagai watak yang dipegangnya, tetapi tidak pelakon sebagai diri sendiri.

Yang kedua ialah penggunaan projeksi corak reka bentuk terhadap siklorama dengan penggunaan projektor digital. Walaupun menyimpang daripada estetika persembahan asli, unsur ini menambahkan keindahan ruang perkarangan di samping membentuk aura mistik dengan corak yang berubah dan bergerak yang memang sesuai dengan

emosi cerita. Namun demikian, pencahayaan am dikekalkan dan cahaya tidak digunakan untuk melahirkan *mood*, tetapi hanya sebagai pencerahan untuk peliharaan.

Yang ketiga ialah kostum yang jauh berbeza daripada makyung kampung. Kostum persembahan *Puteri Gading Bertimang* begitu indah dan menarik sekali dengan kain yang mahal yang dihiasi oleh permata kaca yang disusun dalam bentuk geometrik serta hiasan kepala dan aksesori yang rumit dan berkilau-kilauan. Keindahan kostum mengangkat taraf persembahan makyung *Puteri Gading Bertimang* ke tahap persembahan istana.

Secara keseluruhannya, visual persembahan ini, yang merangkum kostum, pencahayaan dan projeksi, membentuk komposisi visual yang amat menarik dan menawan. Seperti dalam makyung asli, persembahan bermula dengan sang gendang yang menandakan kemasukan pakyung, makyung dan jong dong dang (kumpulan penari dan korus). Mereka duduk arah bersilang menghadap pemain

rebab, iaitu dari pentas atas kanan ke penjuru pentas bawah kiri.

Setelah selesainya sang gendang, maka bermula adegan menghadap rebab, yang merangkum nyanyian dan tarian yang merupakan bahagian pembukaan ritual persembahan. Adegan ini, yang panjangnya 20 minit dan dibahagikan kepada tiga bahagian, menjadi adegan yang mesti dilaksanakan pada permulaan setiap persembahan makyung, sama ada persembahan malam pertama ataupun sambungannya.

Selepas menghadap rebab, salah seorang inang (jang dong dang) menyanyikan lagu *Sedayung Makyung* sambil melakukan gerak tari secara perlahan dan berterusan dalam bentuk bulatan. Pada penghujung lagu ini, pakyung mempersilakan permaisuri dan inang masuk ke dalam anjung istana, sementara pakyung memanggil peran tua menghadapnya. Hal ini menandakan permulaan adegan lucu antara pakyung dengan kedua-dua orang peran yang juga penasihat raja.

Setelah selesai adegan lucu antara pakyung dengan peran tua, pakyung mengarahkan peran tua

memanggil pesaingnya, iaitu peran muda. Selepas pakyung keluar, peran tua memanggil peran muda dan memaklumkan bahawa dia dikehendaki menghadap raja. Adegan lucu berlaku antara kedua-dua orang peran ini. Kemudian mereka beredar ke istana untuk menghadap raja (pakyung). Hal ini disusuli oleh satu lagi adegan lucu antara pakyung dengan kedua-dua orang peran sebelum berlaku "pecah cerita" *Puteri Gading Bertimang*.

Cerita ini mengisahkan seorang raja, bergelar Raja Besar, pemerintah negara Apanca Alas, yang memasangi niat untuk memberi puterinya kepada Gajah Putih Gading Hitam jika dapat dielakkan kehilangan anak perempuannya, seperti yang berlaku kepada kedua-dua orang anak lelakinya. Kedua-dua orang peran bersumpah untuk mengawal rapi puteri raja daripada sebarang ancaman.

Pada suatu hari, puteri raja memohon kebenaran untuk bermain dengan inang di taman istana. Walaupun berasa gundah gulana, Raja Besar mengizinkan atas jaminan kedua-dua orang peran bahawa mereka akan bersamasama puteri untuk menentukan keselamatannya.

Apabila sampai di taman istana, mak inang mengarahkan kedua-dua orang peran menunggu di pintu masuk taman. Semasa mereka bermain dan bersuka ria di taman, muncul Gajah Putih Gading Hitam dan menculik Puteri Gading Bertimang.

Gajah Putih Gading Hitam kebetulannya ialah Dewa Betara Umar, anak Raja Besar yang hilang semasa kecil dan dibawa ke kayangan. Dia turun dari kayangan menyerupai Gajah Putih

Gading Hitam untuk menolong Raja Besar menebus niatnya.

Raja Besar mengarahkan tunang puteri, anak raja sultan Palembang, untuk menyelamatkan puterinya. Namun demikian, anak raja itu gagal apabila bertarung dengan Gajah Putih Gading Hitam.

Raja Besar kemudiannya mengarahkan peran untuk mencanangkan bahawa sesiapa yang berjaya menyelamatkan puterinya akan dikahwinkan dengan Puteri Gading Bertimang dan dilantik sebagai Raja Muda. Namun demikian, tiada sesiapa pun yang sanggup bertarung dengan Gajah Putih Gading Hitam.

Dalam perjalanan balik ke istana, kedua-dua orang peran bertemu dengan seorang budak cabuk. Budak ini menerima saranan mereka untuk menyelamatkan Puteri Gading Bertimang. Budak cabuk ini sebenarnya Dewa Kermajaya, anak kedua Raja Besar yang dibawa lari ke kayangan. Dia mengetahui perihal penculikan adik perempuannya dan menyamar sebagai budak cabuk untuk menyelamatkannya.

Akhirnya Dewa Kermajaya dan Gajah Putih Gading Hitam bertarung. Apabila Gajah Putih Gading Hitam hampir tewas, dia mendedahkan dirinya yang sebenar. Mereka kembali ke istana dan menghadap Raja Besar yang sungguh gembira dengan kepulangan ketiga-tiga orang anaknya. Puteri Gading Bertimang dikahwinkan dengan tunangnya, anak raja sultan Palembang.

Begitulah ceritanya. Aksinya pusing-memusing, tetapi begitulah cerita tradisional yang tidak bergantung pada pengaliran aksi linear yang berasaskan sebab-musabab. Yang penting ialah gambaran impresionistik

yang menampung watak kedua-dua alam nyata dan alam ghaib daripada pengaliran pemikiran logik.

Barisan pelakon terdiri daripada Rahimah Zakaria sebagai pakyung Raja Besar Sepanca Alam, Marleeny Dinerwan sebagai permaisuri, Nurliyana Che Mohammad memegang watak Puteri Gading Bertimang, Asrulfaizal Kamaruzaman melakonkan watak peran tua, Isey Fazlisham peran muda, Ismadian Ismail sebagai anak raja sultan Palembang, Suhaimi Ibrahim menjayakan Dewa Betara Umar atau Gajah Putih Gading Hitam, Shafic Aminuddin Hussin membawa watak Dewa Karmawijaya atau budak cabuk, Nik Norimani Mat Hassan berperanan sebagai mak inang, dan Rosnan Abdul Rahman, pakyung lelaki ulung zaman makyung kurun ke-21, menjayakan watak sultan Palembang.

Makyung *Puteri Gading Bertimang* oleh kumpulan Persatuan Penggiat Seni Budaya Kelantan menandakan kemunculan makyung bandar, detik penting dalam sejarah dan perkembangan teater tradisional. Persembahan makyung bandar akan datang dinilai berasaskan tanda aras persembahan ini yang menggabungkan unsur pementasan Barat tanpa mengorbankan estetika dan sensitiviti konvensi makyung asli.

Kemunculan makyung bandar diharapkan mampu menarik lebih banyak penonton bandar untuk menyaksikan seni warisan dan kearifan tempatan Melayu yang tetap akan mengalami proses evolusi yang mengubah gaya dan corak persembahannya mengikut perubahan selera dan apresiasi seni penonton bandar. ^{DB}



Terdapat perbezaan antara makyung bandar dengan makyung kampung.

